

Allah lebih mengetahui alam rahim

FIRMAN Allah SWT: (Ingatlah) ketika isteri Imran berkata: "Tuhanku! Sesungguhnya aku nazarkan kepadamu anak yang ada dalam kandunganku sebagai seorang yang bebas (daripada segala urusan dunia untuk berkhidmat kepadamu semata-mata), maka terimalah nazarku, sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Maka apabila ia melahirkannya, berkatalah ia: "Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah melahirkan seorang anak perempuan (sedang yang aku harap-harapkan ialah anak lelaki), dan Allah memang mengetahui akan apa yang dilahirkannya itu - dan memanglah tidak sama anak lelaki dengan anak perempuan, dan bahawasanya aku telah menamakannya Maryam, dan aku melindungi dia dengan peliharaan-Mu, demikian juga zuriat keturunannya, daripada godaan syaitan yang kena rejam (yang dikutuk dan disingkirkan). (ali-Imran ayat: 35-36)

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI

SYEIKH Sya'rawi berkata: "Sebenarnya nasab yang diiktiraf nisbah bagi para Nabi nilai akhlak dan agama. Selepas daripada itu Allah SWT mengisahkan berkenaan nazar ibu Maryam."

Ayat 35

Firman Allah SWT yang bermaksud: (Ingatlah) ketika isteri Imran berkata: "Tuhanku! Sesungguhnya aku nazarkan kepadamu anak yang ada dalam kandunganku sebagai seorang yang bebas (daripada segala urusan dunia untuk berkhidmat kepadamu semata-mata), maka terimalah nazarku, sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Iktibar dan fiqh ayat:

i. Al-Maraghi berkata: "Allah SWT Maha Mengetahui doa isteri Imran, Maha Mengetahui niatnya, ketika beliau berdialog dengan Tuhannya dalam bentuk nazar pada saat beliau hamil, bahawa bayi yang dikandungnya kelak akan diserahkan kepada Allah SWT semata-mata untuk berbakti di Baitu al-Muqaddis, Allah SWT juga mengetahui pujiannya, ketika beliau berkata, bahawa Allah Maha Mendengar

Tafsir Al-Quran & Asbabun Nuzul

doa dan kepasrahannya. Allah juga Maha Mengetahui kemurnian niat dan keikhlasannya.

Hal inilah yang menjadi dasar diterimanya doa, dan boleh diharapkan supaya ia dikabulkan kurnia dan kebaikan daripada Allah SWT. Pada ayat-ayat ini, nama Imran disebut dua kali. Imran yang pertama ialah bapa Nabi Musa a.s. Sementara Imran yang kedua ialah bapa Maryam. Jarak di antara kedua-duanya lebih kurang 1800 tahun.

ii. Mohamad Quraish Shihab berkata: Nazar adalah kebajikan, sesuai dengan tuntutan agama yang tidak diwajibkan oleh agama, tetapi diwajibkan sendiri oleh seseorang atas dirinya dalam rangka mendekati diri kepada Allah SWT. Dalam konteks ucapan, yakni nazar isteri Imran adalah tekad janjinya untuk menjadikan anak yang dikandungnya berkhidmat secara penuh di Baitu al-Muqaddis.

Dalam tradisi masyarakat ketika itu, seorang anak yang dinazarkan sebagai pelayan rumah suci akan bertugas penuh di sana sampai dia dewasa. Setelah dewasa dia hanya dibenarkan untuk membuat satu pilihan sahaja sama ada untuk meneruskan pengajian atau membuat pilihan yang lain."

iii. Hamka berkata: "Ada seorang lelaki yang soleh namanya Imran, sama namanya dengari ayah Nabi Musa a.s. yang hidup 1800 tahun sebelumnya. Sejak zaman purbakala lagi, sampai kepada zaman kita ini orang-orang yang soleh dalam agamanya suka sekali memakai nama-nama orang yang mulia menjadi nama anaknya. Rupanya ayah Imran ini menamai anaknya demikian kerana ayah Nabi Musa yang besar itu bernama Imran pula. Lelaki yang bernama Imran ini mempunyai seorang isteri yang solehah seperti dia. Lalu dia hamil dan semasa kehamilannya dia bernazar kalau lahir anaknya akan diserahkan menjadi abdi Tuhan menyelenggarakan Baitu al-Muqaddis. Ini kerana keluarganya sendiri pun ada yang menjadi penyelenggara rumah suci itu iaitu Nabi Zakaria a.s., suami kakaknya.

Ayat 36

Firman Allah SWT yang bermaksud: Maka apabila ia melahirkannya, berkatalah ia: "Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah melahirkan seorang anak perempuan



MELALUI proses kehamilan seterusnya kelahiran sesungguhnya adalah anugerah yang paling bermakna bagi setiap wanita. -Gambar hiasan

(sedang yang aku harap-harapkan ialah anak lelaki), - dan Allah memang mengetahui akan apa yang dilahirkannya itu - dan memanglah tidak sama anak lelaki dengan anak perempuan, dan bahawasanya aku telah menamakannya Maryam, dan aku melindungi dia dengan peliharaan-Mu, demikian juga zuriat keturunannya, dari godaan Syaitan yang kena rejam (yang dikutuk dan disingkirkan).

Iktibar dan fiqh ayat:

i. Ibn Jauzi dalam Zad al-masir berkata: Maksud direjam di situ ialah: Pertama: Kena laknat seperti pendapat Qatadah.

Kedua: Kena rejam dengan batu seperti pendapat Abu Ubaidah.

ii. Al-Maraghi berkata: "Allah SWT lebih mengetahui kedudukan anak perempuan yang diragukan itu, bahkan anak itu lebih baik daripada kebanyakan kaum lelaki. Firman ini menyatakan penghargaan kepada bayi perempuan, di samping menyanggah kebimbangan yang tergambar pada ucapan isteri Imran yang menyebut bahawa martabat anak perempuan lebih rendah daripada lelaki.

iii. Mohamad Quraish Shihab berkata: "Anak kalimah *wa laisa adz dzakaru kal untal* (dan anak laki-laki tidaklah seperti anak perempuan), merupakan ucapan isteri Imran, sebagai alasan mengapa beliau tidak dapat memenuhi nazarnya, maka ada juga yang berpendapat bahawa anak kalimah ini merupakan komentar Allah SWT bahawa walaupun yang dilahirkan anak perempuan, tetapi bukan bererti kedudukannya lebih rendah daripada anak lelaki bahkan yang ini lebih baik dan agung daripada banyak lelaki. Ia dipersi apkan Allah SWT untuk sesuatu yang luar biasa, yakni melahirkan anak tanpa proses yang dialami oleh cucu-cicit Adam a.s. seluruhnya iaitu melahirkannya zuriat tanpa berhubung seks dengan seseorang.

iv. Hamka berkata: "Ternyata bahawa anak itu perempuan. Tentu yang

diharapkan daripada semua ialah anak laki-laki sebab penyelenggara rumah suci adalah orang lelaki belaka sedangkan nazarnya sudah jelas dan diapun berkata: "Tuhanku! Sesungguhnya aku telah melahirkan anak perempuan." Dalam kata-katanya itu nampaklah keterharuan hati perempuan yang solehah. Bagaimanapun aku ini, nazar telah dibatalkan, lahirnya anak ini akan dihantar ke rumah suci tetapi anak ini perempuan. Apakah Tuhan akan menerimanya?

Suci

Lalu datanglah keterangan Tuhan kepada Rasul-Nya Muhammad SAW: "Padahal Allah SWT terlebih dahulu mengetahui apa yang dilahirkannya." Meskipun anaknya perempuan tapi ibunya tidak mengetahui anaknya bukan perempuan biasa di kalangan bayi-bayi yang dilahirkan di dunia ini. Dia tidak mengetahui apa yang diketahui oleh Allah SWT. Anaknya akan menjadi anak dara yang suci, bersih dan solehah bakal melahirkan seorang putera Nabi Allah iaitu Nabi Isa a.s. tanpa melakukan persetubuhan (jimak) menurut kebiasaan dunia.

Syaitan

Ayat ini juga dengan jelas menunjukkan betapa kuasa-Nya Allah SWT dengan sifat kudrat-Nya. Begitu juga musuh yang nyata bagi manusia adalah syaitan. Justeru sewajarnya kita mengenali syaitan, tipu dayanya dan bentuk penyelewengan yang dibawa sehingga manusia sesat dan menyimpang daripada jalan kebenaran yang dituntut kepada kita untuk menghayatinya dan beristiqamah pada jalan tersebut.

Ayat ini juga dengan jelas menunjukkan betapa syaitan tiada sebarang kebaikan baginya sebaliknya sentiasa direjam dan dilaknat oleh Allah SWT. Alangkah malangnya yang mengikut jejak langkah syaitan dan terpedaya dengannya.

Semoga kita semua selamat daripada gangguan dan godaan syaitan dengan berpegang pada kitab al-Quran al-Sunanah serta zikir amalan soleh.